

Headline	Cadangan badan khas kawal pakej umrah relevan: Azeez		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 May 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,873



## Cadangan badan khas kawal pakej umrah relevan: Azeez

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) mencadangkan badan atau jawatankuasa khas bagi mengawal selia jemaah umrah diterajui Kementerian Pelancongan dalam mengekang isu penipuan umrah.

Ini kerana kementerian terbabit adalah pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen kepada agensi pelancongan yang mengendalikan pakej umrah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dengan peruntukan mencukupi bagi mengekang masalah itu.

Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim menyifatkan cadangan mewujudkan badan atau jawatankuasa khas itu, relevan berikutan kes penipuan umrah yang semakin kritikal.

### Bukan bidang kuasa Tabung Haji

Beliau menegaskan Tabung Haji tidak mempunyai kuasa bagi mengawal selia

jemaah umrah seperti mana ia dipertanggungjawabkan mengawal selia 28,000 jemaah haji setiap tahun.

“Badan atau jawatankuasa khas itu elok diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan. Cadangan ini perlu diteliti kerana jemaah umrah mencecah lebih 200,000 setahun,” katanya kepada *BH* mengulas isu penipuan umrah yang

semakin parah.

Berbeza dengan haji, jemaah umrah di negara ini tidak dikawal

selia menyebabkan sebilangan pihak khususnya Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) yang menaungi 465 agensi pelancongan Bumiputera, mencadangkan supaya ia dikawal selia di bawah badan atau jawatankuasa khas bagi mengelakkan masalah lebih besar.

### Penetapan kos minimum

Naib Presiden BUMITRA, Ayob Mat Aris dalam temubual eksklusif dengan *BH* sebelum ini turut mencadangkan penetapan kos minimum mengerjakan umrah sebagai rujukan orang ramai dan pengeluaran lesen khas umrah di bawah lesen perniagaan pengendalian pelancongan luar negara Kementerian Pelancongan.

BUMITRA juga meminta untuk menyertai badan atau jawatankuasa itu selain mensyaratkan pengeluaran lesen umrah khas tertakluk kepada beberapa syarat, termasuk pemohon hendaklah menjadi ahli BUMITRA bagi memudahkan peman-tauan.

Mengulas lanjut, Abdul Azeez yang juga Ahli Parlimen Baling turut mencadangkan agensi pelancongan sah yang mengendalikan umrah disenaraikan melalui platform sedia ada bagi memudahkan orang ramai.

Katanya, pihak dipertanggungjawabkan kemudian boleh mewujudkan talian khas sebagai rujukan bagi mengelak tertipu.

Headline	Cadangan badan khas kawal pakej umrah relevan: Azeez		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 May 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,873

“  
Cadangan ini  
perlu diteliti  
kerana  
**jemaah  
umrah  
mencecah  
lebih 200,000  
setahun**”

**Abdul Azeez  
Abdul Rahim,**  
Pengerusi  
Tabung Haji